PENGAJIAN MALAYSIA

MPW 1133

RANCANGAN PENGAJIAN

YUSOF KHAN LOTH KHAN. BA (HONS) UM, M.A.EDLD, W.MICH.USA

SUBJECT : **MPW 1133 (PROGRAM DIPLOMA)**
LECTURER : **HJ. YUSOF KHAN. (BA.Hons, UM, M.Edld.W.Mich.USA.)**
CONSULTATION HOURS : **FRIDAY 3pm – 4pm**
E-MAIL : **yusopkhankhan@yahoo.com**

SINOPSIS KURSUS

Kursus pengajian Malaysia adalah satu kursus **WAJIB UNTUK SEMUA PELAJAR** DI Instutusi Pengajian Swasta (IPTS) di Malaysia. Kursus ini dikawalselia Lembaga Akreditasi (MQA) dimana skop dan sukatan pelajaran adalah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh MQA. Kursus ini juga dikenali sebagai Kenegaraan Malaysia. Maklamat utama kursus Pengajian Malaysia ialah untuk melahirkan warganegara yang setia dan cinta kepada Negara, berwawasan, bangga sebagai rakyat Malaysia, mampu menghadapi cabaran kearah mencapai kesejahteraan hidup serta dapat menghayati peranan Malaysia di arena antarabangsa. Selain itu, liputan kuliah turut melibatkan perbincangan mengenai 10 topik, antaranya adalah zaman prasejarah Malaysia, zaman kemerdekaan, pembentukan Malaysia, sistem dan struktur pentadbiran Negara, sistem demokrasi di Malaysia, perlembagaan, dasar-dasar utama dan juga isu-isu semasa social dan politik di Malaysia. Hubungan Malaysia dengannegara-negara luar serta cabaran-cabaran semasa yang didapati oleh Malaysia turut mendapat liputan di dalam kursus ini.

OBJEKTIF KURSUS

- Memahami sejarah bangsa dan Negara serta perkembangan masyarakat dari aspek sosio-budaya, politik dan ekonomi.
- Mempertingkatkan kesedaran, kepakaran dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan undang-undang dan menyumbang ke arah pembangunan Negara.
- Menghargai usaha dan sumbangan kea rah pembangunan Negara.
- Menghargai keperibadian bangsa dan berbangga menjadi rakyat Malaysia.

CADANGAN BAHAN BACAAN / RUJUKAN UTAMA

Ruslan Zainuddin, Mohd.Mahadee Ismail & Zaini Othman. (2007). **Kenegaraan Malaysia**. Oxford Fajar: Kuala Lumpur.

Mardiana & Hasnah. **Pengajian Malaysia**. (2001). Penerbit Fajar Bakti: Kuala Lumpur.
INTAN (2007). **Malaysia Kita**. Kuala Lumpur: Institut Pentadbiran Awam Negara.
Jayum A. Jawan (2002). **Politics and Govement in Malaysia**, Shah Alam: Karisma Publication. Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A.Jawan (1997). **Kenegaraan Malaysia** Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
Mohamed Suffian Hashim, Tun (1984). **Mengenal Perlembagaan Malaysia**. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Lembaga Penyelidikan Undang-undang. **Perlembagaan Persekutuan**. Kuala Lumpur: International Law Book Series.

CADANGAN BUKU TEKS

RUSLAN Zainuddin, Mohd.Mahadee Ismail & Zaini Othman. (2007). **Kenegaraan Malaysia**. Oxford Fajar: Kuala Lumpur.

RUJUKAN TAMBAHAN

Nazaruddin Hj.Mohd.Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah & Ismail Hj.Mohd.Rashid. (2001). **Pengajian Malaysia Kenegaraan Dan Kewarganegaraan Edisi Kedua**. Prentice Hall: Kuala Lumpur.
Mahdi Shuid & Mohd.Fauzi Yunus. (1998). **Pengajian Malaysia**. Longman: Kuala Lumpur.
Dasar-Dasar Pembangunan Negara. (1994). Institusi Tadbiran Negara (INTAN)
Ambri Buang. (1990). **Dasar-Dasar Utama Kerajaan Malaysia**. Institusi Tadbiran Awam Malaysia.

PENILAIAN KURSUS

PENILAIAN	MARKAH
PENGLIBATAN PENYERTAAN	5%
PEMBENTANGAN	10%
TUGASAN BERKUMPULAN	15%
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER	20%
PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER	50%
TOTAL	100%

POLISI KURSUS

Sepanjang tempoh perkauliahan berlangsung, pelajar adalah dinasihatkan untuk mengikuti kehendak-kehendak kursus sebagaimana penerangan di bawah:

- **PENGLIBATAN / PENYERTAAN (5%)**

  Pelajar dikehendaki menghadiri dan menyertai setiap perbincangan di dalam kelas secara aktif. Pelajar bukan sahaja dikehendaki bersedia sebelum kelas bermula tatapi haruslah memberi pandangan/ idea/ pendapat tentang apa sahaja yang berkaitan dengan topic perbincangan.

- **TUGASAN BERKUMPULAN (15%)**

  Tugasan ini harus dilakukan scara berkumpulan dengan AHLI KUMPULAN TIDAK MELEBIHI 5 orang.tugasan yang telah siap haruslah dihantar kepada pensyarah secara 'hardcopy'. Pelajar yang didapati tidak member komitmen kepada kepada kumpulan dalam usaha menghasilkan tugasan ini, boleh ditolak markahnya atau tidak diberikan sebarang markah.

Sepanjang semester ini, keupayaan dan penguasaaan pelajar tentang subjek pengajianmalaysia akan diuji melalui 1 set kuiz. Soalan adalah berbentuk objektif. Satu set kuiz akan mengandungi 20 soalan aneka jawapan. Format kuiz mungkin boleh berubah dari semasa ke semasa.

- **PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER (20%)**

Tahap penguasaan pelajar berkaitan dengan subjek akan diuji melalui Peperiksaan Pertengahan Semester. Lazimnya, liputan peperiksaan adalah merangkumi 5-6 topik perkauliahan. Format peperiksaan akan merangkumi soalan berbentuk objektif. Namun begitu, bentuk soalan mungkin berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada keputusan fakulti.

- **PEPERIKSAAN AKHIR (50%)**

Tahap penguasaan pengetahuan dan pemahaman pelajar akan diuji pada tahap ini. format peperiksaan adalah berbentuk objektif dan essei ringkas. format peperiksaan adalah tidak tetap dan mungkin boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada keputusan fakulti. Sebarang perubahan akan dimaklumkan. Peperiksaan ini adalah komprehensif meliputi semua topik perkauliahan sepanjang semester berlangsung.

- **POLISI KURSUS**
  PERHATIAN:

  - **POLISI KEHADIRAN**: pelajar haruslah menghadirkan diri didalam setiap sesi perkauliahan sepanjang semester dan melibatkan diri secara aktif di dalam perbincangan kelas.
  - **PELAJAR HARUSLAH MENGHADIRI KELAS YANG DITETAPKAN SEBAGAIMANA YANG TELAH DIDAFTARKAN OLEH PIHAK AKADEMIK. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENUKAR KELAS SESUKA HATI.**
  - **kELEWATAN**: semua pelajar adalah bertanggungjawab untuk hadir awal semasa sesi perkauliahan berlangsung.
  - **KETIDAKHADIRAN**:
    1. **KULIAH**: sekiranya pelajar gagal untuk menghadirkan diri semasa sesi perkauliahan berlangsung, maka pelajar haruslah menyertakan bersama MC(medical certificate). Alasan-alasan lain tidak akan diterima.
    2. **PEPERIKSAAN**: sekiranya pelajar gagal atau tidak berupaya menghadirkan diri semasa peperiksaan atas sebab kesihatan atau lain-lain, maka perlulah dirujuk segera kepada pengetua.
  - Academic honesty is required of all members of a learning community. Hence FIM will not tolerate cheating or plagiarism on tests, examinations, papers or other course assignments. Students who engage in such dishonesty may be given failing grades or expelled from FIM.
  - Optional: Missed exams, miss assignments, make-up assignments, make-up exams, grading, support services, extra credit and disability statement.

SILIBUS KURSUS

MG	TOPIK	PENERANGAN	HASIL PEMBELAJARAN
1	1.	**MODUL A: SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN** **Subtopik 1: Zaman Penjajahan** • Penjajahan Jepun di Tanah Melayu **Subtopik 2: Perjuangan Kemerdekaan** • Kebangkitan semangat nasionalisme • Gerakan berorganisasi menentang penjajah • Malayan Union • Persekutuan Tanah Melayu • Rundingan Kemerdekaan	• Pelajar akan akan dapat melihat bagaimana proses penjajahan berlaku di Negara ini oleh beberapa buah kuasa asing secara bersilih ganti • Pelajar akan dapat memahami dan menghargai perjuangan yang dimainkan oleh individu tempatan dalam usaha menentang penjajah dan memperoleh kemerdekaan • Pelajar akan dapat melihat kebangkitan semangat nasionalisme yang lahir di kalangan masyarakat tempatan tanpa mengira kaum
2	2.	**Subtopik 3: Pembentukan Malaysia**	• Pelajar akan dapat mengetahui sebab-sebab mengapa Malaysia dibentuk serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pembentukan Malaysia • Pelajar-pelajar juga dapat melihat apakah proses-proses yang dilalui sebelum Malaysia dibentuk • Pelajar akan dapat melihat bagaimana singapura akhirnya keluar daripada Malaysia
3	3.	**MODUL B: SISTEM DAN STRUKTUR PENTADBIRAN NEGARA** **Subtopik 4: Komponen Utama Sistem Kerajaan Malaysia** • Badan Eksekutif • Badan Legislatif • Badan Judislari • Majlis Raja-Raja **Subtopik 5: Jentera Pentadbiran** • Sistem Kabinet dan Kementrian • Suruhanjaya	• Pelajar akan dapat memahami tentang proses pembentukan sistem dan struktur pentadbiran Negara yang menjadi tunjang kepada pemerintahan Negara Malaysia pada hari ini • Pelajar-pelajar juga dapat memahami komponen-komponen utama dalam sistem pentadbiran Malaysia • Pelajar akan dapat melihat peranan setiap badan dalam menjalankan pentadbiran Negara dan konsep pengasingan kuasa

MG	TOPIK	PENERANGAN	HASIL PEMBELAJARAN
4	4.	**MODUL C : PERLEMBAGAAN DAN PROSES POLITIK** **Subtopic 6: Perlembagaan Malaysia** • Sejarah pengubalan Perlembagaan dari Malayan Union ke Persekutuan Malaysia **Subtopic 7: Peruntukan Utama Perlembagaan** • Demokrasi Berparlimen • Raja Berperlembagaan **Subtopic 8: Peruntukan Istemewa Perlembagaan** • Bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan/kedudukan bahasa lain • Kedudukan istemewa melayu dan Bumiputra • Hak Asasi • Islam sebagai agama Persekutuan • Kewarganegaraan • Peruntukan Tambahan Sabah/Sarawak	• Pelajar akan dapat mengetahui sejarah kewujudan Perlembagaan Persekutuan yang menjadi teras kepada kedudukan perlembagaan Malaysia sekarang • Pelajar akan dapat memahami prinsip ketertinggian perlembagaan • Pelajar akan dapat memahami konsep pembahagian kuasa • Pelajar akan dapat memahami peruntukan utama yang terkandung dalam Perlembagaan • Pelajar juga akan dapat melihat apakah perkara-perkara yang diberi kebebasan dan apakah perkara-perkara yang boleh menyekat kebebasan mereka • Pelajar juga akan dapat menilai kedudukan mereka sebagai warganegara yang bebas tetapi tertakluk kepada perlembagaan
5	5.	**Subtopik 9: Demokrasi Berparlimen dan Proses Pilihan Raya** • Suruhanjaya Pilihanraya • Perjalanan Pilihan Raya • Penyertaan di dalam pilihanraya (calon dan pengundi)	• Pelajar akan dapat memahami konsep demokrasi dan perjalanan demokrasi di Malaysia • Pelajar-pelajar juga akan dapat mengetahui apakah yang menjadi • Pelajar akan dapat menilai apkah kebaikan amalan demokrasi berparlimen kepada negara Malaysia
6	6.	**MODUL D: PEMBINAAN NEGARA BANGSA** **Subtopic 10: Masyarakat Majmuk** • Proses pembentukan masyarakat majmuk • Impak ke atas hubungan etnik	• Memahami perbezaan yang wujud antara setiap komuniti masyarakat yang terpisah mengikut bangsa-bangsa tertentu • Pelajar akan dapat memahami masalah Negara dengan keadaan masyarakat yang berbilang bangsa

MG	TOPIK	PENERANGAN	HASIL PEMBELAJARAN
7	7.	**Subtopik 11: Integrasi dan Perpaduan Nasional** • Asas integrasi dan perpaduan nasional • Pendekatan integrasi di Malaysia • Cabaran pembinaan perpaduan dan integrasi	• Mendapat pengertian yang lebih mendalam bahawa usaha-usaha untuk mencapai perpaduan dan integrasi dilaksanakan dengan menyeluruh meliputi segala aspek, ekonomi, politik dan sosial
8	8.	**MODUL E : DASAR UTAMA** **Subtopik 12 : Dasar Pembangunan Ekonomi** • Dasar Ekonomi • Dasar Pembangunan Nasional • Dasar Wawasan Negara **Subtopik 13: Dasar Luar Negara** • Pengubahan Dasar Luar Negara • Kerjasama serantau • Malaysia dan pertubuhan antarabangsa	• Pelajar akan dapat melihat peranan setiap dasar dalam pembangunan Negara • Pelajar akan dapat mengetahui apakah dasar-dasar tersebut terhadap kepentingan ekonomi, politik dan sosial Negara

RANCANGAN MENGAJAR

MG	MODUL / SUBTOPIK	PENERANGAN	PENILAIAN	TARIKH PENTING
1	**<u>MODUL A:</u>** **SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN** Subtopic 1: Penjajahan Jepun HARI KEBANGSAAN 31/8/2007	• Pengenalan tentang subjek Pengajian Malaysia • Penerangan terperinci tentang objektif, penilaian kursus, • Tugasan dan perkara-perkara lain yang berkaitan • Zaman Penjajahan British di Tanah Melayu		
2	**<u>MODUL A:</u>** **SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN** Subtopick 2: Kemerdekaan tanah Melayu	• Penjajahan Jepun di Tanah melayu • Kebangkitan semangat nasionalisme • Gerakan berorbanisasi menentang penjajah • Malayan Union • Persekutuan Tanah Melayu		
3	**<u>MODUL A:</u>** **SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN** Subtopik 3: Pembentukan Malaysia	• Factok pembentukan Malaysia • Reaksi Negara anggota sebelum dan selepas pembentukan Malaysia		
4	**<u>MODUL B:</u>** **SISTEM DAN STRUKTUR PENTADBIRAN NEGARA** Subtopik4: Komponen Utama Sistem Kerajaan Malaysia **<u>MODUL B:</u>** **SISTEM DAN STRUKTUR PENTADBIRAN NEGARA** Subtopik 5: Jentera Pentadbiran	• Badan Eksekutif • Badan Legislative • Badan Judisiari • Badan Raja-Raja • Sistem kabinet dan kementerian • Suruhanjaya		

MG	MODUL / SUBTOPIK	PENERANGAN	PENILAIAN	TARIKH PENTING
5	**<u>MODUL C :</u>** **PERLEMBAGAN DAN PROSES POLITIK** Subtopic 6: Perlembagaan Malaysia Subtopik 7: Peruntukan Utama Perlembagaan Subtopik 8: Peruntukan Istimewa Perlembagaan	• Sejarah pengubalan Perlembagaan dari Malayan Union ke Persekutuan Malaysia • Demokrasi Berparlimen • Raja Berperlembagaan • Bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan/kedudukan bahasa lain • Kedudukan istimewa dan bumiputera • Hak asasi islam sebagai agama Persekutuan • Kewarganegaraan • Peruntukan Tambahan Sabah/Sarawak		
6	**<u>MODUL C:</u>** **PERLEMBAGAAN DAN PROSES POLITIK** Subtopik 9: Demokrasi Berparlimen dan Proses Pilihan Raya	• Dasar Ekonomi • Dasar Pembangunan Nasional • Dasar Wawasan Negara • Pengubalan Dasar Luar Negara • Kerjasama serantau Malaysia dan pertubuhan antarabangsa	KUIZ	
7	**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER**		20% PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER	

MG	MODUL / SUBTOPIK	PENERANGAN	PENILAIAN	TARIKH PENTING
8	**MODUL D:** **PEMBINAAN NEGARA BANGSA** Subtopic 10: Perpaduan & Integrasi Nasional	• Konsep perpaduan dan integrasi • Masalah-masalah yang menghalang wujudnya perpaduan kaum di Malaysia	15% TUGASAN BERKUMPULAN	Tarikh penghantaran tugasan
9	**MODUL D:** **PEMBINAAN NEGARA BANGSA** Subtopic 11: Masyarakat Majmuk			
10	**MODUL E:** **DASAR UTAMA** Subtopic 12: Dasar Pembangunan Ekonomi			
	MODUL E: **DASAR UTAMA** Subtopic 13: Dasar Luar Negara			
11	**MINGGU ULANGKAJI**	SELF STUDY		
12	**PEPERIKSAAN AKHIR**		50%	

TUGASAN MPW 1133

Tugasan berkumpulan ini harus dilakukan secara berkumpulan dengan ahli tidak melebihi 5 orang. Pelajar yang didapati tidak memberi komitmen kepada kumpulan dalam usaha menghasilkan tugasan ini boleh ditolak markahnya atau tidak diberikan sebarang markah.

Tajuk –Tajuk Tugasan

1. Sekiranya Parameswara tidak memeluk agama Islam selepas penubuhan kerajaan Melaka, bayangkan apa implikasi politik, sosial dan ekonomi negara kita pada hari ini. Bincangkan.

Hasil pembelajaran : menghuraikan sejarah Negara dan memberi kesedaran tentang wujudnya situasi sosial-politik Negara.

2. Bincangkan kesan-kesan pengaruh pentadbiran Inggeris dari aspek politik, ekonomi dan sosial terhadap negara kita. Huraikan dari aspek positif dan negatif.

Hasil pembelajaran : kesedaran tentang pengaruh inggeris.

3. Darurat berlaku dari 1948 hingga 1960 adalah angkara Parti Komunis Malaya. Mengapa berlaku darurat ? Huraikan mengapakah PKM gagal mewujudkan kerajaan komunis di negara ini. Apakah kesan - kesan politik ,ekonomi dan sosial berikutan peristiwa darurat.

Hasil pembelajaran : memahami tentang konflik ideology politik yang mencorak kan pengaruh politik negara.

4. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) diwujudkan ketika bangsa Melayu hampir lenyap dibumi mereka sendiri. Bincangkan.

Hasil pembelajaran : kesedaran tentang pengaruh nasionalisme.

5. Bincangkan kepentingan-kepentingan perkara-perkara berikut sebagaimana yang diperuntukan dalam perlembagaan Malaysia. :

a. Perkara.152
b. Perkara. 153
c. Perkara 33
d. Perkara 3 (1)
e. Perkara 160 (2)

Hasil pembelajaran : memahami cirri-ciri utama perlembagaan negara.

6. Mengapakah pilihanraya diadakan di negara kita? Huraikan bagaimana proses pilihanraya diadakan. Terangkan dengan jelas apa kaitan pilihanraya dengan parlimen dan pembentukan sistem pentadbiran.

Hasil pembelajaran : menyedari tentang prinsip demokrasi.

7. Perkara 38 dalam perlembagaan Malaysia memperuntukan tentang penubuhan Majlis Raja-Raja. Mengapakah Majlis Raja-Raja di peruntukkan dalam perlembagaan kita? Apakah kuasa budibicara kuasa majlis Raja-Raja?

Hasil pembelajaran : memahani tentang kedudukan / peranan Raja-Raja melayu dalam proses pentadbiran negara

8. Penubuhan Persekutuan Malaysia adalah untuk mencantumkan dan memerdekakan wilayah-wilayah yang masih dibawah penjajahan British . Galurkan perkara-perkara yang menyebabkan terbentuknya Persekutuan Malaysia. Mengapa pihak pemerintah Indonesia dan Filipina menentang penubuhan Malaysia? Huraikan mengapa Singapura di keluarkan dari pencantuman tersebut dan bincangkan kesan-kesan politik dan sosial dengan kemasukan Singapura ke dalam Persekutuan Malaysia.

Hasil pembelajaran : memahami proses pembentukan pesekutuan Malaysia.

9. Parlimen adalah badan yang menggubal, meminda dan memansuhkan undang-undang negara. Mengapa badan ini mempunyai kuasa berbuat demikian ? Huraikan bagaimana sesuatu undan-undang di gubalkan.

Hasil pembelajaran : memahami proses pengubalan undang-undang di Malaysia.

10. Tun Dr. Mahathir perdana menteri ke 4 di gelar sebagai “ Bapa Pemodenan Malayasia. Huraikan secara kritikal sumbangan beliau terhadap negara kita.

Hasil pembelajaran : menghargai jasa dan pembangunan negarawan negara.

11. Seperti negara-negara lain di dunia, Malaysia sedang berhadapan ancaman terhadap moral. Berpandukan Prinsip Prinsip Rukun Negara, huraikan secara kritikal ancaman-ancaman tersebut dan bagaimanakah perkara-perkara tersebut dapat atasai dengan memberi cadangan-cadangan yang positif.

Hasil pembelajaran : mengukuhkan jati diri.

12. Keganasan didalam masyarakat kita sedang meningkat. Huraikan keganasan-keganasan tersebut secara kritikal. Apakah implikasi terhadap kemajuan negara dari aspek politik,sosial dan ekonomi. Huraikan.

Hasil pembelajaran : kesedaran tentang moral dan jati diri